

KKR periksa lebih kerap tapak projek

Langkah pastikan kontraktor patuhi semua peraturan sektor pembinaan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kerja Raya (KKR) akan melakukan operasi pemeriksaan dan tinjauan yang lebih kerap ke tapak pembinaan bagi mengenal pasti sebarang kesalahan dilakukan oleh kontraktor.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata langkah itu diharap dapat memberi mesej kepada pemain industri supaya mematuhi semua peraturan dan undang-undang berkaitan yang ditetapkan.

Malah, katanya, beliau turun padang ke tapak pembinaan yang dikenal pasti di ibu negara, se-

malam bagi mengadakan operasi mengejut bertujuan memantau kerja dalam sektor pembinaan.

“Dalam operasi ini, pelbagai agensi turut bekerjasama dan masing-masing mempunyai fokus bawah seliaan mereka.

“Antaranya, Kementerian Kesihatan (KKM) dalam operasi ini berjaya mengesan empat tempat pembiakan jentik-jentik.

“Kita perlu mengawal denggi sebab saya difahamkan ada berlaku kes denggi berdekatan sini.

“Selain itu, Lembaga Pembinaan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) pula memastikan pekerja mempunyai sijil diiktiraf atau kemahiran dimiliki pekerja dan kesalahan pihak majikan.

“Kesalahan paling ketara dikenal pasti CIDB adalah berkaitan *scaffolding* (perancah bangunan) yang disalahgunakan,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan mengejut dalam operasi penguatkuasaan bersepadu itu, semalam.

Selain CIDB dan KKM, agensi lain terbabit operasi itu ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Keselamatan dan



Nanta meninjau kemajuan projek di Seksyen 7 Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat Persimpangan Assam Jawa-Tanjung Karang, Kuala Selangor, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Jabatan Imigresen (Imigresen) serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif CIDB, Datuk Mohd Zaid Zakaria memaklumkan setakat bulan lalu, 174 lawatan tapak dilakukan di sekitar Kuala Lumpur dengan 91 kertas siasatan telah dibuka.

“Untuk hari ini, kita mengutamakan aspek penguatkuasaan bahan binaan dan memastikan bahan digunakan itu berkualiti serta mengikut piawaian di negara ini dan antarabangsa.

“Contohnya hari ini, kita mendapati ada penyalahgunaan pada perancah bangunan jenis A-frame

yang masih digunakan walaupun kualitinya sudah merosot.

“Sepatutnya, perancah bangunan itu digunakan dua atau tiga kali saja tetapi ia sudah digunakan berulang kali dan kalau dipanjang mungkin boleh patah. Penyalahgunaan ini boleh dikompaun antara RM10,000 hingga RM500,000,” katanya.

Bayaran tol secara terbuka

Sementara itu, di Kuala Selangor *Bermama* melaporkan Enam lagi lebuhraya bersetuju melaksanakan Sistem Kutipan Tol Secara Pembayaran Terbuka (SPT) bermula September ini.

Nanta berkata, enam lebuhraya bakal menyertai 12 konsesi lebuhraya yang melaksanakan SPT se-

jak sistem bertujuan memudahkan pengguna membuat bayaran di setiap lorong plaza tol itu dilancarkan pada September tahun lalu.

“Kalau dulu, pembayaran tol hanya terhad kepada penggunaan Touch n Go, Smart Tag dan RFID, namun dengan SPT, mereka turut diberi pilihan untuk membuat bayaran dengan menggunakan kad kredit dan debit.

“Penyertaan enam lebuhraya ini menyaksikan sebanyak 35 lorong akan dibuka bagi kemudahan atau pengguna sistem SPT,” katanya selepas meninjau kemajuan pelaksanaan projek di Seksyen 7 Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) Persimpangan Assam Jawa - Tanjung Karang di sini semalam.